



## PEMERIKSAAN DAN UJIAN KEBOCORAN SISTEM GAS BERPAIP

No. Lesen : \_\_\_\_\_

### Tujuan :

Ujian dan pemeriksaan ini dilakukan adalah selaras dengan kehendak peraturan 126 (3) Peraturan-peraturan Bekalan Gas 2023 dimana ianya menyatakan bahawa “pemasangan gas domestik hendaklah diperiksa, diuji dan diperakui oleh orang kompeten yang sesuai **setiap tiga tahun** tetapi pemasangan gas lain (komersil) hendaklah juga diperiksa, diuji dan diperakui oleh orang kompeten yang sesuai **setiap dua tahun**.

Komersil	Setiap dua (2) tahun
Domestik	Setiap tiga (3) tahun

### Skop kerja :

Orang kompeten yang sesuai hendaklah menjalankan pemeriksaan dan pemerhatian menyeluruh ke atas sistem pemasangan paip gas tersebut dan seterusnya menjalankan ujian kebocoran yang bersesuaian dengan keadaan pemasangan paip gas tersebut dan seterusnya memperakui pemeriksaan dan ujian yang telah dijalankan.

Pemeriksaan dan ujian kebocoran yang dijalankan hendaklah meliputi dari sistem penstoran gas, sistem perpaipan gas, alat-alat kelengkapan gas dan perkakasan yang digunakan supaya ianya sentiasa dalam keadaan baik dan memuaskan serta dapat beroperasi sepertimana yang dibenarkan oleh *Energy Commission of Sabah (ECoS)*.

### Laporan Pemeriksaan dan Ujian :

Ujian dan pemeriksaan yang dijalankan hendaklah disaksikan bersama dengan pihak pemunya pemasangan dan segala kecacatan yang didapati dari pemeriksaan dan ujian tersebut hendaklah dimaklumkan kepada pihak pemunya dan tindakan segera pembaikan hendaklah diambil. Laporan kerja-kerja pembaikan hendaklah dimaklumkan kepada *ECoS* supaya pembaharuan lesen (*lesen gas persendirian*) pemasangan dapat dikeluarkan.

PERKARA		* Adakah memuaskan ?		
		Ya	Tidak	Ulasan
<b>1. PENSTORAN GAS</b>				
<b>a.</b>	<b>Stor / Tempat simpanan gas.</b>			
-	Adakah stor gas berada dalam keadaan yang kemas dan memuaskan? Kapasiti stor: _____			
# -	Adakah persekitaran kawasan stor bebas daripada sebarang bau dan kebocoran** gas?			
-	Adakah pintu berkunci & kunci disimpan oleh orang yang bertanggungjawab (OB) ? Nyatakan nama OB.			
-	Adakah sistem pengudaraan baik? (terdapat bukaan pengudaraan di dinding stor gas yang menghadap ke arah luar bangunan).			
-	Adakah kawasan stor bebas daripada sebarang ruang tertutup yang boleh memerangkap gas jika berlaku kebocoran?			
-	Adakah kawasan stor bebas daripada sebarang halangan di laluan keluar / masuk?			
-	Adakah pemadam api disediakan?			
-	Adakah terdapat papan tanda amaran? (larangan merokok, punca nyalaan & telefon bimbit).			
# -	Adakah kawasan stor terhindar daripada sebarang punca nyalaan ( <i>seperti lampu</i> )? (jika ada, jarak hendaklah melebihi 4.5m)			
# -	Adakah kawasan stor terhindar daripada sebarang bahan mudah terbakar seperti minyak dan kertas? (jika ada, jarak hendaklah melebihi 5m).			
<b>b.</b>	<b>Peralatan gas</b>			
# -	Adakah alat pengatur & tolok tekanan berfungsi seperti yang dibenarkan? Tekanan: _____psi			
# -	Adakah injap-injap berfungsi dengan baik & mempunyai label kedudukan buka / tutup?			
<b>c.</b>	<b>Hos gas (jika berkenaan)</b>			
# -	Adakah hos gas bebas daripada sebarang keretakan, pintalan atau benjolan?			
# -	Adakah sambungan hos ke paip & injap silinder kukuh & bebas daripada sebarang kebocoran**?			

PERKARA		* Adakah memuaskan?		
		Ya	Tidak	Ulasan
<b>2. PERPAIPAN GAS</b>				
<b>a.</b>	<b>Paip.</b>			
- #	Adakah talian paip gas bebas daripada sebarang bau dan kebocoran** gas?			
- #	Adakah sambungan paip gas kukuh dan bebas daripada sebarang keretakan, kekaratan atau hakisan?			
-	Adakah cat pada paip gas berwarna kuning dan terdapat penanda arah aliran gas?			
-	Adakah penyokong paip masih kukuh & bebas daripada sebarang karatan?			
-	Adakah terdapat penanda lokasi paip gas bagi paip yang ditanam?			
-	Adakah sistem pengudaraan baik & tiada ruang tertutup yang boleh memerangkap gas jika berlaku kebocoran di laluan sistem perpaipan gas?			
-	Adakah setiap laluan keluar yang tidak digunakan pada pemasangan paip gas telah dikedapkan (sealed-off) dengan gegasan yang bersesuaian?			
<b>b.</b>	<b>Peralatan</b>			
- #	Adakah injap-injap berfungsi dengan baik & mempunyai label kedudukan buka / tutup?			
- #	Adakah alat pengatur & tolok tekanan berfungsi seperti yang dibenarkan? Tekanan: ____psi			
<b>3. PERKAKASAN</b>				
- #	Adakah perkakasan gas berfungsi dengan baik dan dalam keadaan bersih?			
- #	Adakah sambungan hos ke injap & perkakas kukuh & bebas daripada sebarang kebocoran**?			
- #	Adakah sambungan pada klip penyambung masih kedap & bebas daripada sebarang karatan?			
- #	Adakah perkakas gas selamat dan bebas daripada sebarang pelepasan gas?			
- #	Adakah sistem pengudaraan baik & bebas daripada sebarang bau gas berterusan di sekeliling perkakas gas?			
- #	Adakah perkakas gas terhindar daripada bahan mudah terbakar?			
- #	Adakah injap-injap berfungsi dengan baik & mempunyai label kedudukan buka / tutup?			

Petunjuk :

*	Tandakan "√" pada ruangan (Ya / Tidak ) yang disediakan.
**	Gunakan alat pengesan gas ( <i>gas detector</i> ) atau air sabun.
#	Perkara yang dinyatakan menunjukkan keadaan yang memerlukan <b>pembaikan segera</b> jika ia didapati tidak memuaskan.

*Nota : Lampiran laporan tambahan dibenarkan dan ianya hendaklah disertakan bersama laporan di atas.*

*Ulasan Keseluruhan oleh Orang Kompeten:-*

*Sistem pemasangan paip gas ini mematuhi kehendak-kehendak MS 830 dan MS 930 serta berada di dalam keadaan yang selamat untuk digunakan.*

YA, mematuhi kehendak di atas.

TIDAK

*Ulasan Tambahan:-*

---

---

---

---

---

Nama dan Cop Orang Kompeten : .....

Kategori Kekompetenan : .....

Tandatangan : .....

Tarikh Pemeriksaan : .....

Tandatangan Pemunya / Wakil Pemunya : .....

Cop Pemunya / Syarikat : .....

Tarikh : .....